



UNTUK SIARAN SEGERA

AirAsia X memperkenalkan Hiburan Dalam Penerbangan Xcite

Pra-tempah Tab Xcite melalui laman web airasia.com dengan hanya RM49!

KUALA LUMPUR, 19 Januari 2017 – Tetamu kini dapat menikmati pengalaman yang lebih menarik apabila terbang bersama AirAsia X* (kod penerbangan D7) dengan pengenalan tab terbaru mudah alih AirAsia iaitu Tab Hiburan Dalam Penerbangan Xcite yang menawarkan hiburan berpanjangan dengan pelbagai kandungan, skrin sentuh peranti beresolusi tinggi dan teknologi audio yang canggih, semuanya disediakan terus di tempat duduk tetamu.

Tab Hiburan Dalam Penerbangan Xcite ini boleh digunakan dalam lima bahasa (Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Korea, Bahasa Jepun) dan ianya didatangkan percuma untuk semua tempat duduk Premium Flatbed, manakala tetamu yang berada di tempat duduk Ekonomi boleh membuat pra-tempah di airasia.com untuk hanya RM49, ataupun membuat permintaan terus di dalam penerbangan untuk RM60.

Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia X Berhad, Benyamin Ismail berkata, "Kami sentiasa mencari cara untuk memberikan tetamu kami pengalaman yang terbaik apabila terbang bersama AirAsia X. Hiburan Dalam Penerbangan Xcite terbaru ini semestinya dapat menarik hati tetamu kami kerana ia menawarkan pelbagai kandungan terbaik dalam alat tontonan yang canggih untuk pengalaman tontonan yang lancar dan mudah. Kandungan dalam Tab Xcite ini juga akan sentiasa dikemaskini untuk memastikan tetamu dapat menikmati hiburan yang berkualiti apabila mereka terbang bersama kami."

Tetamu akan dapat menonton filem-filem terbaik dari Hollywood, serta filem antarabangsa dan tempatan, selain daripada rancangan TV; tetamu juga dapat mendengar muzik, bermain permainan video, melayari majalah-majalah terkini, dan juga membeli belah ketika dalam penerbangan kerana katalog AirAsia BIG Duty Free juga terdapat di dalam tab tersebut. Layari airasia.com untuk melihat senarai program hiburan yang lengkap dan terkini.

Tab Xcite adalah Huawei MediaPad 2 yang lengkap bersama paparan skrin lebar 10.1 "Full HD, teknologi audio Harman Kardon untuk pengalaman akustik yang lebih terang dan disertakan alat pendengaran.

Untuk maklumat terkini bagi promosi dan aktiviti, sila ikuti AirAsia di Twitter (twitter.com/AirAsia) dan Facebook (facebook.com/AirAsia).

*** Hiburan Dalam Penerbangan Xcite tidak disediakan untuk penerbangan ke / dari Auckland, Jeddah dan Kathmandu.**

TAMAT



Hiburan Dalam Penerbangan Xcite

Tetamu Premium Flatbed	Percuma
Tempat Duduk Biasa (termasuk zon senyap)	Pra-tempah pada RM49 sahaja
	Dalam Penerbangan pada RM60 (qunatiti terhad, pra-tempah amat digalakkan)

Mengenai Kumpulan AirAsia X

AirAsia X adalah syarikat penerbangan tambah rendah jarak jauh bagi Kumpulan AirAsia yang kini terbang ke destinasi di serata rantau Asia Pasifik. AirAsia X terbang ke 22 destinasi di seluruh Asia (Haneda, Osaka, Sapporo, Seoul, Busan, Taipei, Xian, Beijing, Hangzhou, Chengdu, Shanghai, Wuhan, New Delhi dan Kathmandu), Australia (Sydney, Melbourne, Perth dan Gold Coast), New Zealand (Auckland), Timur tengah (Jeddah dan Tehran) dan Afrika (Mauritius). AirAsia X beroperasi dengan 29 pesawat A330-300s, setiap satu dengan konfigurasi 12 Premium Flatbeds dan 365 tempat duduk ekonomi. Kumpulan ini telah membawa lebih 19 juta tetamu sejak penubuhan servis jarak jauh yang telah dimulakan pada tahun 2007. AirAsia X telah diiktiraf dengan anugerah "Kabin Premium Syarikat Penerbangan Tambang Rendah Terbaik Dunia" dan "Tempat Duduk Premium Syarikat Penerbangan Tambang Rendah Terbaik Dunia" di acara tahunan Anugerah Dunia Penerbangan Skytrax bagi tiga tahun berturut-turut dari tahun 2013 – 2015. Kumpulan AirAsia adalah syarikat penerbangan pertama di dunia yang berkerjasama bersama INTERPOL bagi mengimplementasikan sistem I-Checkit bagi mengimbas passport kesemua penumpang dengan informasi yang terdapat dalam pangkalan data Stolen and Lost Travel Documents (SLTD) badan polis dunia tersebut.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Qastury Jawawi

Communications

Mobile: +6019 609 8893

qasturyjawawi@airasia.com